

AMALAN PENGURUSAN TERBAIK BAGI PASAR BASAH



ASINGKAN SAMPAH / SISA JUALAN
 (sayur, buah, bulu ayam, sisik ikan, perut ikan dsb.) yang basah, kering dan yang boleh dikitar semula sebelum membuang ke dalam tong sampah yang disediakan secara teratur. Atau kitar semula lebihan jualan (sayuran, buahan) dengan menjadikannya baja kompos.



Pastikan plastik sampah sentiasa diikat, tiada kebocoran / melimpah keluar dan tong sampah ditutup dengan baik serta dibersihkan mengikut keperluan.




GALAKKAN PENGGUNAAN BAG KITAR SEMULA / GUNA SEMULA
 dan kurangkan penggunaan bag plastik.




ELAKKAN PENGGUNAAN STYROFOAM
 dan kotak yang berlebihan dengan menggantikan kotak simpanan yang boleh diguna semula.



Amalkan penggunaan apron atau sarung tangan yang boleh diguna semula.




Susun dan simpan barang jualan dengan teratur dan kemas yang tidak menghalang laluan.



Lakukan aktiviti penyembelihan di kawasan yang disediakan khas bukan di tepi longkang.



Pastikan aktiviti pembersihan atau cucian barang jualan tidak dilakukan di sebelah atau berdekatan kawasan longkang.



Pastikan saluran sisa air cucian atau air limpah dialirkan ke dalam sistem saluran septik bukan ke dalam longkang.

Amalan Pengurusan Terbaik (BMP) adalah panduan, strategi serta kaedah yang terbaik yang boleh dilaksanakan dalam meminimumkan impak pencemaran terhadap alam sekitar dan juga mematuhi keperluan undang-undang, mengelakkan daripada penggunaan kos yang tidak diperlukan serta melindungi kesihatan awam.


BERSIHKAN KAWASAN
 perniagaan / jualan selepas selesai perniagaan.



AMALAN PENGURUSAN TERBAIK BAGI PENGENDALI MAKANAN

HUBUNGKAN SEMUA SALURAN SINKI & LANTAI KE SISTEM PEMBETUNGAN

bagi mencegah kemasukan air sisa ke dalam sistem longkang dan sungai secara terus.



Bersihkan lantai, ekzos penapis, dan peralatan yang terdapat dalam restoran menggunakan dulang utiliti atau di kawasan mencuci khas yang disambung ke sistem pembetung.

Lupuskan semua air cucian ke dalam sinki, tandas dan saluran di lantai.



Pastikan tong sampah sentiasa ditutup dan tiada kebocoran atau melimpah keluar serta dibersihkan mengikut keperluan.



Menyelenggara dan membaiki saluran sisa dan perangkap lemak, minyak dan gris secara berkala untuk mencegah aliran air sisa ke dalam sistem longkang dan sungai.

KE SISTEM PEMBETUNGAN

LONGKANG adalah untuk mengalirkan air hujan sahaja ke sungai sahaja. Bukan air sisa kotor dari dapur.



GUNAKAN PERALATAN YANG BOLEH DIGUNA SEMULA dan bukan pakai buang bagi mengurangkan penghasilan sampah di setiap premis.



Pastikan bekalan bahan mentah (dan makanan berpaket / bertin) dibeli dalam kuantiti yang diperlukan sahaja bagi mengelakkan penghasilan sampah akibat daripada tarikh luput atau rosak.



GUNAKAN PEMBUNGKUS MAKANAN DAN MINUMAN YANG MESRA ALAM YANG MUDAH LUPUT.



ELAKKAN PENGGUNAAN PRODUK BERPAKET INDIVIDU.

Amalan Pengurusan Terbaik (BMP) adalah panduan, strategi serta kaedah yang terbaik yang boleh dilaksanakan dalam meminimakan impak pencemaran terhadap alam sekitar dan juga mematuhi keperluan undang-undang, mengelakkan daripada penggunaan kos yang tidak diperlukan serta melindungi kesihatan awam.